

# Masih wujud jurang perbezaan: Hadi

MARANG, Ahad — Ura-ura permuafakatan di antara Pas dan kumpulan serpihan Umno akan hanya menjadi kenyataan jika ia memberi keuntungan kepada perjuangan Islam, kata Naib Yang Dipertua Pas Pusat, Haji Abdul Hadi Awang.

"Kita boleh bekerjasama dengan kumpulan itu jika ia memanfaatkan perjuangan Islam yang menjadi teras perjuangan Pas," katanya.

"Tetapi sebaliknya kita akan menolak kumpulan itu sekiranya ia mendatangkan mudarat," kata beliau dalam temubual dengan beberapa orang wartawan tempatan, di sini.

Haji Abdul Hadi yang juga Pesuruhjaya Pas Terengganu menegaskan Pas tidak akan bersikap go-poh-gapah dan percaya kumpulan serpihan Umno itu juga tidak akan terburu-buru dalam soal kerjasama kedua-dua pihak itu.

Katanya, walaupun ada satu titik persefahaman di antara kedua-dua pihak itu dalam soal penentangan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Pas dan kumpulan serpihan itu

masih dipisahkan oleh satu jurang perbezaan yang sangat luas iaitu di segi prinsip menegakkan satu pemerintahan Islam di negara ini.

"Bagaimanapun, titik persefahaman yang sudah wujud itu membolehkan kedua-dua pihak mengadakan pertemuan yang lebih kerap dan sekaligus membuka peluang kepada kita menerangkan wadah perjuangan Pas kepada anggota-anggota kumpulan itu," katanya.

Katanya, Pas berharap kumpulan itu bukan sekadar tidak berpuas hati dengan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir, bahkan juga tidak bersetuju dengan dasar-dasar Umno yang diketuai oleh Perdana Menteri.

Beliau menerangkan, adalah masih terlalu awal baginya untuk membuat andalan sama ada permuafakatan Pas-kumpulan serpihan akan menjadi kenyataan atau tidak.

"Kita perlu kepada lebih banyak pertemuan agar kita dapat mengemuka dan mendengar pandangan antara satu sama lain," katanya.